

# PENGENALAN VHM

*Veterinary Health Mark (VHM) adalah merupakan salah satu daripada skim pensijilan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. Melalui skim pensijilan yang dilaksanakan secara sukarela kecuali untuk pasaran eksport ini, rumah sembelih dan loji pemprosesan produk berasaskan haiwan ini akan melalui proses pemeriksaan veterinar secara berkala oleh pegawai-pegawai pemeriksa veterinar yang terlatih. Ini adalah untuk memastikan rumah sembelih dan loji tersebut akur sepenuhnya kepada keperluan minima Hygiene and Sanitation, kepastian kualiti dan keselamatan makanan yang ditetapkan oleh DVS dengan penekanan kepada Good Manufacturing Practice (GMP) dan Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP).*

*Skim pensijilan VHM ini bertujuan untuk memantapkan sistem pengesahan dan pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar bagi produk berasaskan haiwan untuk pasaran eksport. Dengan skim ini, masa memproses dokumen eksport telah disingkatkan kepada 2 (dua) hari bekerja tertakluk kepada peruntukan di bawah Animal Rules, 1962.*

*Skim pensijilan VHM telah memenangi Anugerah Inovasi Sektor Awam Kerajaan Malaysia pada tahun 1995 kerana bersifat proaktif dan menjimatkan masa. Berdasarkan tafsiran Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam, No. 5 tahun 1999, logo VHM merupakan harta intelek Kerajaan dan Kerajaan mempunyai hak mutlak ke atas penggunaannya. DVS telah dipertanggungjawabkan untuk mengatur penggunaan logo tersebut secara komersil dan mencegah penyalahgunaannya selaras dengan kuasa yang diperturunkan oleh Kerajaan. Logo VHM turut diklasifikasikan sebagai Certification Trade Mark (Class 16, 29, 30 and 44) di bawah Trade Marks Regulation, 1997 atau Trade Marks Act, 1976.*

*Logo yang menjadi lambang kualiti ini akan memberikan keyakinan kepada pengguna terhadap keselamatan dan kesucian produk haiwan.*